

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 16 FEBRUARI 2024  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 14

### Malaysia mampu mengelak sebarang kejutan ekonomi

# Malaysia mampu mengelak sebarang kejutan ekonomi



KASIM MANSOR

**P**ADA umumnya berbicara tentang jangkaan keduduan semasa ekonomi negara, bukanlah sesuatu yang mudah dan boleh dijangka dengan tepat. Mengambil ikhtiar oleh pakar-pakar ekonomi terhebat dunia, kadang-kadang jangkaan yang dibuat menyimpang daripada realiti.

Faktor utama yang menyumbang kepada permasalahan ini disebabkan keadaan pasaran yang begitu dinamik ditambah faktor-faktor luaran yang tidak memungkinkan jangkaan berlaku seperti yang diramalkan. Perkembangan seperti geopolitik yang tidak menentu dan kekurangan data-data yang relevan menjadikan ketepatan ramalan berbanding realiti ekonomi sebenar mempunyai jurang perbezaan yang ketara.

Ekonomi Malaysia yang dipacu sektor pembuatan, perkhidmatan dan pertanian adalah positif. Dari segi fundamental, ekonomi menunjukkan tahap membangangsan dan tidak terlalu merisaukan, walaupun nilai mata wang berlaku penyeusut.

Tentunya penyeusut ini memperluhatkan barang-baruan Malaysia memiliki faedah kompetitif berbanding mata wang Amerika Syarikat (AS). Justeru jangkaan untuk 2024, tren permintaan barang Malaysia di pasaran antarabangsa akan meningkat.

Dalam membuat jangkaan terhadap ekonomi, isu yang terpenting yang harus diberi tumpuan ialah faktor-faktor makro antara lainnya seperti kadar inflasi, guna tenaga, indeks harga pengguna, kadar faedah dan permintahan domestik. Sebagaimana yang dijangkakan oleh ramai penganalisis ekonomi, 2024 menyaksikan pertumbuhan pada kadar 4.5 peratus atau lebih baik.

Berasaskan kepada faktor-faktor makro, Malaysia dijangka mengalami peralihan dan anjakan ekonomi.

Tahun lepas sahaja, ramai penganalisis mengunjurkan berlaku kemelesetan pada awal tahun 2024, tetapi



USAHA kerajaan memberi tumpuan kepada sektor-sektor pertumbuhan baharu merupakan satu inisiatif strategik yang mampu meletakkan ekonomi negara berdaya saing di peringkat global. - UTUSAN/ MUHAMAD IQBAL ROSLI

ternyata Januari dan Februari tahun ini tidak menampakkan sebarang tekanan.

Jika keadaan ini boleh bertahan sehingga pertengahan tahun, ekonomi negara mampu mengelak sebarang kejutan meskipun negara-negara besar termasuk AS meningkatkan kadar faedah yang sedikit sebanyak memberi tempis kepada negara-negara lain seperti Malaysia.

Dasar fiskal dan monetari pada umumnya berada pada tahap kondusif dan menyokong kepada pertumbuhan ekonomi. Dari segi keduduan pasaran buruh, data menunjukkan faktor makro yang mendorong kepada peningkatan produktiviti, sekali gus mampu meningkatkan tingkat kumulatif pendapatan boleh guna negara. Meskipun kadar pengangguran pada kadar 3.3 peratus, ini tidak bermakna pengangguran yang berlaku menepati definisi 'menganggur', kerana gig atau digital ekonomi juga penyumbang terbesar kepada penjanaan pendapatan.

Berkaitan dengan penggunaan domestik dan swasta sejak dua tahun ini menunjukkan perkembangan pada kadar purata 8 peratus.

Pertumbuhan domestik dilihat sebagai pemacu utama kepada pertumbuhan ekonomi.

Disember 2023, Malaysia mencatatkan kedatangan 26 juta pelancong dan merupakan negara yang menerima sebarang kedatangan pelancong asing utama di Asia Tenggara. Awal tahun ini sahaja industri pelancongan semakin berjaya aktif serta pelancongan domestik mahupun antarabangsa meningkat dan ketara.

Pendekatan ekonomi negara dilihat bersedia menghadapi cabaran yang berkaitan dengan persekitaran kawal selia yang kompleks dan membentuk ekosistem mesra perniagaan. Hal ini kerana beberapa peraturan yang sebelum ini yang menjelaskan kedua-dua pelabur domestik dan asing, mahupun antarabangsa ditambah.

Sasaran pertumbuhan produktiviti negara purata 3.6 peratus setiap tahun dijangka dapat dicapai dengan inisiatif yang berasaskan yang terdapat dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12). Tidak dinilai penggunaan modal yang cekap boleh meningkatkan pengeluaran ekonomi secara umum. Ini disebabkan oleh faktor seperti penggunaan teknologi yang tinggi, infrastruktur yang mencukupi atau pelabur yang memberangsangkan

dalam pendidikan dan pembangunan kemahiran.

Sesuai dengan halatju Kementerian Pendidikan Tinggi 2024 yang menekankan kepada lima fokus utama serta 20 landasan hala tuju. Sesungguhnya keperluan kepada penyediaan bakat terbaik negara adalah prasyarat untuk memacu pertumbuhan ekonomi, terutamanya dalam industri yang memerlukan pengetahuan khusus.

Selain itu, negara menghadapi tekanan yang semakin positif untuk meningkatkan daya saing dalam ekonomi global. Menerima dan menerima pakai teknologi canggih seperti kecerdasan buatan (AI) adalah penting untuk daya saing dan pertumbuhan yang marpam. Usaha untuk menubuhkan Fakulti AI di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) amat bertepat dalam usaha memartabat dan memacu ekonomi. Strategi ekonomi termasuk melabur dalam teknologi dan inovasi, memupuk kerjasama antarabangsa, membangunkan infrastruktur yang berdaya tahan dan menerima pakai amalan mampam adalah bertepatan.

Tata kelola yang baik juga adalah isyarat yang jelas

untuk membina keyakinan pelabur asing dan tempatan. Langkah pencegahan rasuh yang diamalkan ketika ini adalah penting untuk memupuk persekitaran perniagaan yang telus dan adil.

#### JURANG

Dalam menangani jurang pertumbuhan yang tidak sekata, kerajaan menambah peruntukan kepada negeri-negeri yang agak ketinggalan dari segi penyediaan prasrama termasuk Sabah dan Sarawak. Pengagihan tambahan ini penting untuk mencapai pembangunan yang seimbang dan mampam.

Malaysia juga tidak terkecuali mendepani cabaran landskap ekonomi global yang menjadi lebih rumit akibat dipengaruhi dinamik geopolitik, hubungan perdagangan dan pakatan ekonomi kuasa-kuasa besar.

Menavigasi kerumitan ini memerlukan dasar ekonomi strategik dan inisiatif diplomatik. Ancaman keselamatan ekonomi, termasuk isu ancaman siber, pengintipan ekonomi dan gangguan kepada rantaian bekalan kritikal menimbulkan cabaran kepada kestabilan dan daya tahan ekonomi negara. Dalam hal ini kerajaan dilihat lebih bersedia menangani ancaman ini untuk menjaga kepentingan ekonomi negara.

Selain itu, risiko yang masih menghimpit ekonomi ketika ini ialah eksport barang Malaysia ke negara-negara yang terlibat konflik seperti Ukraine-Russia serta konflik Palestin-Israel.

Masanya telah tiba untuk Malaysia meneroka pasaran baru seperti Afrika dan Amerika Latin.

Usaha kerajaan memberi tumpuan kepada sektor-sektor pertumbuhan baharu merupakan satu inisiatif strategik yang mampu meletakkan ekonomi negara berdaya saing di peringkat global.

Menangani cabaran ini memerlukan pendekatan yang komprehensif dan diselaras daripada kerajaan, perniagaan dan badan antarabangsa.

PROFESOR Datuk Dr. Kasim Mansor ialah Naib Canselor, Universiti Malaysia Sabah (UMS)